

# Naik MRT nikmati hidangan asam pedas Muor di Petaling Jaya

Oleh AFIQ AL-HAFIZ MAT YUSOF

**PETALING JAYA** – Restoran Mimpi Muor di Mutiara Damansara di sini yang terkenal dengan masakan asam pedas menerima rezeki melimpah ruah selepas sistem pengangkutan Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang beroperasi sepenuhnya pada 17 Julai lalu.

Restoran yang terletak hanya 500 meter dari Stesen MRT Mutiara Damansara itu menyediakan pelbagai juadah asli dari negeri Johor seperti asam pedas, laksa Johor dan mi bandung.

Pengurus operasi restoran itu, Shahmimi Jamaluddin



**SHAHMIMI**



berkata, pelanggannya semakin meningkat saban hari sehingga sekali ganda selepas pengangkutan awam moden tersebut dilancarkan.

“Sebelum ini hanya kira-kira 300 pelanggan datang ke kedai kami untuk menikmati juadah di sini namun selepas MRT beroperasi, bilangannya meningkat kepada 500 hingga 600 orang sehari.

“Saya juga akan menambah bilangan pekerja yang ketika ini seramai 10 orang kepada 15 kakitangan bagi memberi-



**ASAM pedas Muor.**

kan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan,” katanya ketika ditemui di restorannya semalam.

Restoran Mimpi Muor yang sudah beroperasi selama sembilan tahun itu turut menyediakan perkhidmatan katering.

Seorang pelanggan, Zahidi Hamzah, 30, berkata, MRT telah memudahkan perjalanan



**PELANGGAN** menjamu selera di Restoran Mimpi Muor, Petaling Jaya semalam.

keluarganya untuk menjamu selera di restoran kegemarannya tersebut.

“Saya gembira kerana tidak perlu lagi meredah kesesakan lalu lintas di ibu negara untuk membawa keluarga menjamu selera di restoran ini,” ujarnya.

**INFO**

**Restoran Mimpi Muor**

**Lokasi:** No. 26, 27-1, Jalan PJU 7/16A, Mutiara Damansara, Petaling Jaya

**Facebook:** Mimpi Muor

**Waktu Operasi:** Setiap hari bermula pukul 9 pagi - 5.30 petang

**Telefon:** 03-7722 2786